



PEJABAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Office of Director-General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8,
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Fax: 03-8889 4548
Laman web: <http://www.moe.gov.my>.

KP(BS-DSR)8787/008/2/ (20)
13 Disember 2005

Semua Pengarah Pelajaran Negeri

Y. Bhg. Datuk/Dato'/Datu/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 9/2005
PELAKSANAAN MATA PELAJARAN INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY (ICT) DI SEKOLAH MENENGAH

Mata pelajaran Teknologi Maklumat (TM) telah mula dilaksanakan pada tahun 1999 secara rintis di 15 buah sekolah menengah pilihan sebagai **mata pelajaran elektif**. Kementerian Pelajaran Malaysia telah menetapkan syarat dan kriteria penawaran mata pelajaran TM berdasarkan surat makluman KP(PPK) 016/62/Jld.I (51), bertarikh 15 Februari 2000.

2. Selaras dengan penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains dan Matematik, maka mata pelajaran TM juga akan diajar dalam bahasa Inggeris kepada **semua pelajar Tingkatan IV mulai tahun 2006**.

3. Sehubungan dengan itu, pada tahun 2005 kandungan kurikulum mata pelajaran ini telah disemak semula dan nama mata pelajaran TM telah diubah kepada **Information and Communication Technology (ICT)**.

4. Mata pelajaran ICT diperuntukan masa sebanyak **160 minit (4 waktu) seminggu**. Sukatan Pelajaran, Huraian Sukatan Pelajaran dan Modul Pembelajaran akan disediakan dan boleh dicapai melalui laman web <http://myschoolnet.ppk.kpm.my>. Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) akan membekalkan *Teaching Courseware* ke sekolah-sekolah sebagai bahan sokongan untuk membantu mengajar mata pelajaran ini.

5. Kursus Orientasi kepada guru-guru akan diadakan secara berperingkat untuk memberi pendedahan mengenai mata pelajaran ini. Kursus Kemahiran Bahasa Inggeris juga akan diadakan pada tahun 2006 bagi membolehkan Bayaran Insentif Subjek Pendidikan (BISP) dibuat kepada guru-guru yang terlibat. Peruntukan geran per kapita (PCG) bagi mata pelajaran ini adalah sebanyak **RM65.00**. (Rujuk surat Bahagian Kewangan KP.1573/17/Jld.16 (67) bertarikh 18 Julai 2005).

6. Sehubungan dengan itu, penawaran mata pelajaran ini adalah tertakluk kepada kebenaran Pengarah Pelajaran Negeri. Bagi sekolah, memohon untuk menawarkan mata pelajaran ICT ini, pihak sekolah perlu memenuhi kriteria yang telah ditetapkan seperti di **LAMPIRAN A**. Pihak Jabatan Pelajaran Negeri hendaklah menghantar salinan surat kepada pihak PPK bagi sekolah-sekolah yang telah dibenarkan menawar mata pelajaran tersebut.

7. Sila maklumkan kandungan surat makluman ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Bahagian/Daerah dan Pengetua sekolah di bawah pentadbiran Y. Bhg. Datuk/ Dato'/Datu'/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



DATO' Dr. HAJI AHAMAD BIN SIPON
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s.k.

1. Y.B. Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein
Menteri Pelajaran Malaysia
2. Y.B. Dato' Hon Choon Kim
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
3. Y.B. Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir
Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia
4. Y.B. Puan Komala Devi
Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran
5. Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran
6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran
7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran
8. Ketua-Ketua Bahagian Kementerian Pelajaran
9. Ketua Nazir Sekolah Kementerian Pelajaran
10. Setiausaha Bahagian Sumber Manusia Kementerian Pelajaran
11. Penasihat Undang-Undang Kementerian Pelajaran
12. Pegawai Perhubungan Awam Kementerian Pelajaran

LAMPIRAN A

SYARAT DAN KRITERIA PENAWARAN MATA PELAJARAN *INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY (ICT)*

Sekolah yang bercadang untuk menawarkan mata pelajaran ICT mesti memenuhi syarat dan kriteria berikut:

a) Kelengkapan Fizikal

- Memiliki sebuah makmal komputer yang mempunyai kelengkapan capaian terus ke Internet dengan sekurang-kurangnya mempunyai 20 stesen kerja dan satu server.

b) Stesen Kerja

- Mikropemproses kelas Pentium 3 ke atas atau yang setara dengan kelajuan minimum 700MHz.
- RAM sekurang-kurangnya 128 MB
- HDD sekurang-kurangnya 40 GB.
- Sistem Pengoperasian sekurang-kurangnya Windows 98/2000/XP/Linux.

c) Rangkaian Setempat (*Local Area Network*)

- Semua komputer mestilah dirangkaikan menggunakan protokol komunikasi TCP/IP sekurang-kurangnya dengan kadar penghantaran data 10 MB per saat.

d) Server

- Mikropemproses kelas Pentium 3 ke atas atau yang setara.
- Kelajuan minimum 933 MHz.
- RAM sekurang-kurangnya 256 MB.
- HDD sekurang-kurangnya 40 GB.
- Sistem Pengoperasian sekurang-kurangnya Windows NT /Windows 2000 Server/Linux atau yang lebih terkini.

e) **Pencetak**

- Sekurang-kurangnya pencetak *Ink-Jet*.

f) **Scanner**

- Sebuah scanner.

g) **Perakam video dan kamera digital**

- Sebuah perakam video digital
- Sebuah kamera digital
- Salah satu workstation di dalam makmal komputer mempunyai kad penangkap video (*Video Capture Card*).

h) **Perisian Komputer**

- Pemprosesan Perkataan - Microsoft Word
- Hamparan Elektronik - Microsoft Excel
- Perisian Persembahan - Microsoft PowerPoint
- Pangkalan Data - Microsoft Access
- Alat Pengaturcaraan - Microsoft Visual Basic
- Alat Pengarangan – ComIL
- Pelungsur Web - Internet Explorer
- Editor Web – Mozilla (open source)
- Editor Video – Video Capture Card Software
- Editor Audio – Microsoft Sound Recorder
- Editor Grafik – Microsoft Paint / Gimp (open source)

(Semua perisian perlu mempunyai lesen yang sah)

i) **Tenaga Pengajar**

- Memiliki Diploma/Ijazah/Sarjana Sains Komputer/Teknologi Maklumat atau yang setara.

j) **Jumlah Pelajar yang mengambil mata pelajaran pilihan Teknologi Maklumat**

- Pelajar mesti mempunyai asas literasi ICT.
- Nisbah sebuah komputer dengan pelajar ialah 1:1
- Jumlah maksimum pelajar ialah 20 orang (berdasarkan bilangan komputer yang dibekalkan oleh Kementerian Pelajaran dalam bilik/makmal komputer)
- Tiada had minima bilangan pelajar

Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pelajaran Malaysia
2005